

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

“Aku tak benarkan dia menjejakkan kaki di rumah ini lagi.” Lim Pooi keras membantah. Air mukanya tidak sesekali menggambarkan kata-katanya itu sebagai *lelucon* yang boleh ditertawakan. Sebaliknya, kata-katanya itu ibarat racun yang disembur pada ladang bunga-bunga gembira yang baru sahaja berputik dalam hati Sim Pau. Baginya hutang darah perlu dibayar dengan darah.

“Dia anak kita,” Sim Pau membalas.

“Dia bukan anak aku.” Lim Pooi masih berada dalam kandang kemarahan. Begitu keras dia menyatakan bahawa Lim Meng bukan anaknya, bukan daripada benih yang disemainya bersama-sama dengan Sim Pau. Dia yang berada di atas kerusi malas terus menggerakkan kerusi itu. Bebola matanya sedikit pun tidak menangkap wajah Sim Pau yang sedang bercakap dengannya.

Sim Pau seakan-akan terkunci mulutnya. Air matanya sudah tiada nilai lagi bagi Lim Pooi. Sedikit pun air mata itu tidak dapat menyejukkan hati Lim Pooi. Lim Pooi memang berhati kering. Dia tidak mudah tersentuh dengan hidangan air mata yang melimpah ruah.

Dipetik daripada cerpen ‘Kuih Bakul Limau Mandarin’, Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Maksud rangkai kata *lelucon* dalam petikan cerpen di atas ialah
- A jenaka.
 - B cacian.
 - C sindiran.
 - D nasihat.
2. Pernyataan yang berikut menunjukkan Lim Pooi benci akan Lim Meng **kecuali**
- A tidak mengakui Lim Meng sebagai anaknya.
 - B tidak membenarkan Lim Meng pulang ke rumah.
 - C tidak mempedulikan Sim Pau yang menangis kerana Lim Meng.
 - D tidak memandang muka Lim Meng ketika Lim Meng bercakap dengannya.
3. Yang berikut ialah perwatakan Lim Pooi berdasarkan petikan **kecuali**
- A pamarah.
 - B tidak jujur.
 - C mementingkan diri sendiri.
 - D tiada belas kasihan.

4. Lim Pooi masih berada dalam **kangkang** kemarahan.

Pernyataan di atas menunjukkan penggunaan gaya bahasa

- A simile.
 - B sinkope.
 - C personifikasi.
 - D metafora.
5. Berdasarkan petikan cerpen, pernyataan yang manakah **benar**?
- A Lim Pooi amat marah dan mendendam anaknya, Lim Meng.
 - B Sim Pau berasa sungguh gembira kerana anaknya telah pulang.
 - C Lim Meng menangis kerana Lim Pooi tidak menerima kepulangannya.
 - D Lim Meng sedih kerana Lim Pooi tidak mengakui dirinya sebagai anak.